

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Monday, February 6, 2017 7:05 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: STHEM Disaran Guna Kepakaran Lonjak Bidang Pelancongan Dan Hospitaliti



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



06 FEBRUARI 2017 / 09 JAMADILAWAL 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media

Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

STHEM DISARAN GUNA KEPAKARAN LONJAK BIDANG PELANCONGAN DAN HOSPITALITI



UUM ONLINE: Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti & Alam Sekitar (STHEM), Universiti Utara Malaysia (UUM) perlu menjadi tunjang dalam menjana pendapatan universiti melalui aktiviti pelancongan di samping membantu melonjakkan sektor pelancongan di negeri Kedah.

Naib Canselor, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata ianya kerana kerajaan negeri Kedah pada masa ini sedang giat melonjakkan sektor pelancongannya bagi mentransformasi Kedah menjadi negeri maju yang tidak hanya bergantung kepada sektor pertanian semata-mata.

"Kerajaan negeri Kedah sedang memajukan ekonomi negeri ini dengan menggiatkan sektor pelancongan khususnya di Langkawi.

"Sebagai sebuah universiti yang mempunyai program pelancongan, UUM tidak boleh ketinggalan dan perlu bersama-sama kerajaan negeri dalam memajukan sektor pelancongan di Kedah kerana UUM mempunyai potensi, kepakaran dan sumber manusia untuk bersama-sama menjayakan agenda tersebut," jelasnya.

Sehubungan itu menurut beliau UUM perlu menggunakan peluang ini untuk memainkan peranannya dalam membantu kerajaan negeri dan pada masa yang sama universiti sendiri boleh menjana pendapatan melalui aktiviti pelancongan.

"Antara perkara yang boleh dilakukan STHEM adalah membangunkan bidang pelancongan dan hospitaliti. Pada masa ini, kita telah mempunyai pelbagai fasiliti seperti EDC Hotels & Resorts, Academia Lounge dan juga tanah di Langkawi yang akan dibangunkan menjadi Premium Outlet selain hotel di Kuala Lumpur dalam usaha untuk menjana pendapatan Universiti.

"Kita juga berhasrat untuk memindahkan Pusat Kecemerlangan Pusat Pengajian (SCoE), STHEM iaitu South East Asia Centre for Tourism Research (SEACToR) ke Langkawi dan akan dijenamakan kepada Langkawi International Research Centre For Tourism and Hospitality (LITH)," katanya.

Beliau juga mahukan STHEM mentransformasi kurikulumnya agar boleh disesuaikan dengan keperluan pekerjaan dalam industri pelancongan. Konsep *hands-on* perlu diberi penekanan dalam merekabentuk kurikulum agar para pelajar mendapat pendedahan seimbang antara teori dan praktikal selaras dengan hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) melalui program 2 tahun di Universiti + 2 tahun di industri (2U2I).

"Dalam hal ini kita boleh menggunakan fasiliti-fasiliti yang dibangunkan oleh UUM sendiri sebagai tempat latihan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar," ujarinya pada pertemuan dengan warga kerja STHEM di bilik mesyuarat STHEM pagi tadi.

Selain itu tambahannya STHEM juga perlu meningkatkan lagi penyelidikan mengenai sektor pelancongan dan hospitaliti di Kedah. Menurutnya negeri Kedah mempunyai banyak peninggalan sejarah dan tempat-tempat pelancongan menarik, namun tidak banyak kajian dibuat mengenainya, justeru beliau berharap dengan adanya LITH, lebih banyak penyelidikan dapat dibuat bagi menyemarakkan lagi sektor pelancongan dan hospitaliti di negeri ini.

Hadir sama Dekan STHEM, Prof. Madya Dr. Nurhazani Mohd Shariff, Pengarah Jabatan Canselori, Ahmad Rasidi Abdullah, Pengarah Institut Pengurusan Kualiti, Prof Madya. Dr. Faudziah Zainal Abidin dan pegawai-pegawai kanan universiti.

DARIPADA:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

☎ 04-928 3048/3049/3052/3061

☎ 04-928 3053

✉ ukkuum@uum.edu.my

📘 Universiti Utara Malaysia (Official FB)



AACSB
ACCREDITED



AMBA
ACCREDITED



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.